



SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2024

BAHASA MELAYU

1103/1

Kertas 1

2 jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawapan hendaklah ditulis di dalam buku jawapan yang disediakan.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*
4. **Buku jawapan** *hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 4 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.

Bahagian A


[30 markah]

Soalan ini mesti dijawab.

Grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan pengangkutan awam di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang usaha-usaha untuk menggalakkan masyarakat menggunakan pengangkutan awam.

Panjangnya huraian anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan



DISKAUN BERGANDA

GEMAS ↔ BUTTERWORTH

50% + 20%

70%



PENGANGKUTAN AWAM

Jom, Guna Pengangkutan Awam!



Bahagian B

[70 markah]

Bahagian ini mengandungi empat soalan. Jawab satu soalan.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan.

1

Pembelajaran digital merupakan satu alternatif untuk menyediakan sumber pembelajaran yang mudah dan dapat diakses oleh semua orang. Pembelajaran ini bertumpu pada penggunaan teknologi seperti telefon bimbit dan penyediaan bahan secara digital. Namun begitu, terdapat cabaran untuk melaksanakan pembelajaran digital iaitu capaian Internet yang lemah.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 07/2022

Huraikan cabaran yang terdapat dalam petikan di atas berserta cabaran-cabaran lain untuk melaksanakan pembelajaran tersebut.

2

KUALA LUMPUR: Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) menasarkankan untuk melahirkan sekurang-kurangnya 1000 atlet paralimpik yang baharu pada hujung tahun 2021 menerusi Program Pengenalpastian Bakat Sukan Orang Kurang Upaya (OKU). Presidennya Dato' Sri Megat D. Shahrman bin Dato' Zaharudin berkata, MPM giat mencari atlet pelapis berkelas dunia seperti Muhammad Ziyad Zolkefli dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi agar Malaysia tidak ketandusan atlet paralimpik yang berbakat.

Sumber: www.astroawani.com

Selain usaha yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan usaha-usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet dalam sukan tersebut.

3

Menurut Ketua Polis Pahang, Dato' Sri Rosli Ab Rahman, dalam tempoh enam bulan pertama tahun 2018, seramai 26 orang murid ditahan atas pelbagai kesalahan penyalahgunaan dadah. Antara faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ini ialah pengaruh rakan sebaya, keinginan untuk mencuba dan kurang pengawasan daripada ibu bapa.

Sumber: www.bharian.com.my

Berdasarkan petikan, huraikan faktor-faktor berlakunya masalah tersebut.

4

Kemasukan warga asing yang berleluasa dan tidak terkawal akan menyebabkan berlakunya lambakan warga asing dalam negara. Masalah ini dikatakan boleh mendatangkan pelbagai kesan negatif seperti peningkatan kadar jenayah, peningkatan kadar pengangguran dalam kalangan warga tempatan dan penularan penyakit berjangkit.

Sumber: www.academia.edu

Huraikan kesan-kesan tersebut.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT